

Adakan pendidikan berkembar — PM

KUALA LUMPUR 31 Mei — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengesyorkan Kerajaan Jerman mengadakan program pendidikan berkembar dengan universiti dan institusi pengajian tinggi negara ini bagi membantu Malaysia dalam industri berasaskan teknologi tinggi.

Kata beliau, Malaysia perlu mempertingkatkan kemahiran para pekerjaannya bagi memastikan mereka menjadi produktif dan dapat menghasilkan barangan yang boleh bersaing di pasaran antara-bangsa.

“Saya telah menyampaikan idea untuk mewujudkan program berkembar itu kepada Menteri

Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan, Republik Persekutuan Jerman dan beliau menyambut baik cadangan tersebut,” kata beliau.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Institut Malaysia-Jerman (GMI) di Taman Shamelin Perkasa, Cheras di sini, hari ini.

Turut hadir pada majlis perasmian itu ialah Menteri Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan Republik Persekutuan Jerman, Carl-Dieter Spranger dan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Dr. Yusof Noor.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia perlu menyediakan tenaga kerja mahir kerana telah men-

capai tahap pekerjaan penuh dan tidak boleh bergantung kepada industri berasaskan buruh semata-mata.

“Lebih banyak institusi kemahiran seperti GMI perlu dibentuk untuk faedah bersama negara ini dan negara lain,” tambahnya.

Perhatian

Beliau berkata, negara memberi perhatian serius terhadap pendidikan dalam usaha untuk menjadikannya sebagai pusat pendidikan.

“Ini jelas dengan peruntukan yang agak besar iaitu sebanyak 13 peratus dalam belanjawan tahunan,” kata beliau.

Dalam pada itu, Carl-Dieter Spranger membe-

ritahu, beliau akan membawa cadangan Perdana Menteri untuk perhatian pihak berkuasa Republik Persekutuan Jerman bagi mengenal pasti universiti yang sesuai dan cara pelaksanaannya.

Beliau turut memuji langkah yang diambil oleh Malaysia untuk menyediakan tenaga kerja mahir di negara ini.

Sementara itu, kepada satu soalan Dr. Mahathir berkata, negara memberi perhatian yang sewajarnya dalam polisi Pandang ke Timur dan Barat.

“Dasar Pandang Timur bukan bermakna negara tidak memberi perhatian ke Barat lagi.

“Dahulu kita hanya memberi perhatian ke Barat sahaja tetapi sekara-

ng negara memberi perhatian yang sewajarnya kepada Timur dan Barat,” katanya.

GMI adalah sebuah projek usahasama di antara Kerajaan Malaysia dan Republik Persekutuan Jerman yang dilancarkan pada Disember 1991.

GMI ditubuhkan untuk menjadi sebagai sebuah pusat latihan kemahiran teknologi tinggi dalam bidang Teknologi Pengeluaran dan Elektronik Perindustrian.

Matlamat utama institut tersebut ialah untuk membantu Malaysia melahirkan juruteknik-juruteknik berkemahiran tinggi yang berupaya menggabungkan pengetahuan teori dengan latihan amali.